

Pemilih automatik: Pinda Perlembagaan guna 'peluang' dwipartisan, kata MP Umno
The Malaysian Insider
17 November , 2011
Oleh G Manimaran

KUALA LUMPUR, 17 Nov — Seorang pemimpin pusat Umno yakin bahawa usaha memperkenalkan pendaftaran pemilih secara automatik masih boleh diadakan secara dwipartisan dengan mendapatkan sokongan wakil rakyat kesemua parti di Dewan Rakyat.

Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Saifuddin Abdullah berkata, tanggapan bahawa tiada pihak yang menguasai majoriti dua pertiga di Dewan Rakyat dan ia akan menyukarkan usaha meminda Perlembagaan Persekutuan bukan alasan untuk tidak membawa pindaan yang diperlukan.

"Ia boleh dibuat cara dwipartisan," kata Saifuddin (gambar) yang juga Ahli Parlimen Temerloh dalam satu kenyataan kepada The Malaysian Insider.

Timbalan menteri itu juga berkata perkara tersebut boleh dipertimbangkan bersama pindaan-pindaan lain yang berkaitan memandangkan ada juga sesetengah cadangan dibawa oleh parti yang berlainan.

"Pada masa sama, elok lihat pindaan-pindaan lain seperti 18 tahun umur layak mngundi," katanya yang merujuk kepada gesaan dan syor banyak pihak agar membawa peruntukan-peruntukan sedemikian.

Syor agar diadakan sistem pendaftaran pemilih secara automatik dan mengurangkan usia mengundi merupakan antara perkara yang dibangkitkan oleh parti-parti politik berlainan pegangan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan.

Semalam, Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail memaklumkan jawatankuasa pilihan khas Parlimen (PSC) bahawa pelaksanaan sistem pendaftaran pengundian secara automatik memerlukan pindaan Perlembagaan Persekutuan.

Pengerusi PSC Datuk Seri Maximus Ongkili memberitahu bahawa Gani ada memaklumkan langkah itu memerlukan pindaan ke atas Artikel 119(4)(b) Perlembagaan.

"Peguam Negara berkata pendaftaran secara automatik akan memerlukan pindaan ke atas Perlembagaan dan juga peraturan-peraturan (berkaitan)," katanya lagi.

Klausa dalam Perlembagaan Persekutuan mengatakan bahawa tarikh layak bagi pengundi bermakna tarikh bila seseorang memohon mendaftar sebagai pemilih atau tarikh ia memohon untuk menukar kawasan pilihan raya.

Bersih 2.0 telah mengemukakan lapan tuntutan dengan salah satunya ialah mengadakan pendaftaran pemilih secara automatik.

Mengulas lanjut, Saifuddin berkata respons diberikan oleh Peguam Negara itu bukan perkara baru memandangkan penyokong-penyokong yang memihak kepada syor sedemikian sudah sedia maklum sejak dahulu lagi.

“Pendaftaran automatik pemilih-pemilih yang layak bermatlamat menggalakkan seramai mungkin mereka yang layak mengundi untuk mengundi.

“Apa-apa yang boleh halang perkara ini perlu dikurangkan seperti syarat mesti daftar sebagai pemilih,” kata wakil rakyat yang seringkali menekankan pembaharuan politik khususnya yang membabitkan generasi muda.

Justeru kata beliau, peruntukan sedemikian tidak membuang hak untuk “tidak mahu mengundi.”

“Mereka boleh guna hak untuk tak mengundi dengan tidak keluar mengundi,” katanya.

Barisan Nasional (BN) yang menguasai kerajaan pusat hilang kedudukan majoriti tradisi di Parlimen pada 2008.

Pada pilihan raya umum ke-12, BN memperoleh 140 kerusi manakala pembangkang 82 bahagian.

PSC sedang menghalusi tuntutan pembaharuan sistem pilihan raya negara ini.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pemilih-automatik-pinda-perlembagaan-guna-peluang-dwipartisan-kata-mp-umno/>